



مجلس دائره كوالا پيله  
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

## TAWARAN SEBUTHARGA

RUJUKAN FAIL:MDKPNS.04.400-5/2/3 (2)

Tawaran adalah dibuka kepada kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan di bawah tajuk yang bersesuaian dan berdaftar dengan Majlis Daerah Kuala Pilah bagi menyertai sebutharga bagi kerja-kerja di bawah:-

Bil	Rujukan MDKP	No. Sebut harga	Projek	Pengkhususan	Tarikh Tutup /Jam	Gred/Kod bidang
1.	MDKP 193/10/2020-6	6/2020	Membaikpulih Tembok Penahan Dan Mengecat Semula Lantai Kolam Mandi Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Taman Rekreasi Ulu Bendul, Kuala Pilah	CE 01, CE 21 dan CE 34	19 JUN 2020	G2
2.	MDKP 193/10/2020-13	13/2020	Penyelenggaraan Persimpangan Jalan Tung Yen – Jalan Angkasa Jaya, Kuala Pilah	CE 01, CE 21 dan CE 34	JAM 12.00 TGHRI	G2

2.0 **Lawatan Tapak** : Selaras dengan Standard Operating Procedure (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia agar **tidak mewajibkan** kehadiran syarikat bagi tujuan taklimat atau lawatan tapak bagi sebutharga/tender, maka Majlis Daerah Kuala Pilah telah menyenaraikan **nombor koordinat** di dalam dokumen sebutharga bagi lokasi setiap sebutharga supaya memudahkan kontraktor melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan. Kontraktor mestilah melawat tapak projek supaya dapat mengenal pasti keadaan di tapak dan kehendak di dalam spesifikasi sebelum mengisi borang sebutharga.

### 3.0 **Syarat-Syarat Pembelian Borang Sebutharga**

- 3.1 Hanya kontraktor G2 yang **berdaftar dengan Majlis Daerah Kuala Pilah pada tahun 2020** dan pendaftaran masih sah atau telah memperbaharui pendaftaran layak menyertai sebutharga.
- 3.2 Hanya nama-nama dalam sijil sahaja layak menyertai.
- 3.3 Hendaklah membawa sijil-sijil asal CIDB dan PKK.
- 3.4 Hendaklah membawa cop syarikat bagi memudahkan pengisian borang.
- 3.5 Hendaklah berpakaian kemas.


- 3.6 Bagi syarikat yang tidak mempunyai pengkhususan seperti yang ditetapkan perlu mendapat Surat Kebenaran Khas daripada CIDB.
- 4.0. **Dokumen Sebutharga**
- 4.1 **Harga dokumen sebutharga bagi Gred/Kod Bidang G2 : RM50.00 (Lima Puluh Sahaja).**
- 4.2 Dokumen sebutharga boleh dibeli di Kaunter Hasil , MDKP mulai <sup>09</sup> ~~08~~ **JUN 2020 ( ISNIN ) sehingga 17 JUN 2020 ( RABU )** dengan mengemukakan sijil-sijil asal.
- 5.0. **Tarikh Tutup:**
- 5.1 **19 JUN 2020 (JUMAAT) jam 12.00 tengah hari.** Sebutharga hendaklah disertai dengan salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan SSM yang masih sah, serta dimasukkan ke dalam peti tender Majlis Daerah Kuala Pilah.
- 6.0 Majlis tidak terikat untuk menerima sebutharga yang paling rendah atau mana-mana sebutharga yang berpatutan.

**KERJASAMA SEMUA PIHAK UNTUK MENGIKUTI STANDARD OPERATING POCEURE (SOP) SPERTI BERIKUT AMATLAH KAMI HARAPKAN SEMASA BERURUSAN DI KAUNTER:-**

1. **Penjarakan sosial** akan dilaksanakan semasa berurusan di kaunter. Pihak Majlis akan memastikan kapasiti pelanggan adalah dihadkan berdasarkan penjarakan sosial minimum 1 meter.
2. Perlu mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan *hand sanitizer* sebelum dan selepas berurusan di kaunter.
3. Setiap pelanggan adalah diwajibkan memakai **topeng muka (facemask)** bagi memastikan tahap keselamatan adalah sentiasa terkawal semasa berurusan di kaunter.
4. Saringan kesihatan akan dilaksanakan di pintu masuk premis.
5. Pelanggan yang mempunyai gejala seperti demam, selesema dan batuk tidak akan dibenarkan berurusan di kaunter. Oleh yang demikian, semua pelanggan hendaklah memastikan tidak mempunyai gejala sekiranya datang berurusan di kaunter.

Sekian, terima kasih.

Tarikh Pengiklanan  
01 Jun 2020



**(MOHD FAIZAL BIN ABDUL MANAP)**  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Kuala Pilah